

22 AUG 2002

Mahathir-Pelajaran

TINDAKAN UNDANG-UNDANG JIKA MAIN ISU PERKAUMAN, KATA DR MAHATHIR

NILAI, 22 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang memainkan isu perkauman berhubung langkah kerajaan supaya mata pelajaran Sains dan Matematik diajar dalam Bahasa Inggeris mulai tahun depan.

"Kalau mainkan isu-isu yang menyebabkan orang gelisah atau mungkin terlibat dengan kegiatan haram, kita akan ambil tindakan.

"Satu perkara yang penting ialah kalau mereka mendakwa bahawa kerajaan berhajat untuk menukar sekolah jenis kebangsaan Cina kepada sekolah kebangsaan atau buat dakwaan begitu, sedangkan ada undang-undang yang menghalang kerajaan dan Menteri Pendidikan dari menukar sekolah Cina kepada sekolah kebangsaan, kita akan ambil tindakan undang-undang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan upacara pecah tanah Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata kerajaan tetap akan melaksanakan pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris mulai tahun depan "tetapi bagaimana ia akan dilaksanakan akan ditentukan kemudian".

Katanya parti komponen Barisan Nasional telah berbincang dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan pandangan mereka akan diambil kira dalam membuat keputusan mengenai isu itu.

Laporan akhbar hari ini menyebut, pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) berjanji tidak lagi akan membuat sebarang kenyataan bercanggah berhubung isu tersebut.

Ketika diminta mengulas cadangan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) supaya satu tabung khas ditubuhkan untuk menjayakan matlamat "satu rumah satu komputer," Dr Mahathir berkata tabung berkenaan tidak perlu kerana harga sebuah komputer kini tidaklah terlalu mahal.

"Tidak perlu tabung. Orang ramai mampu membelinya. Komputer kini sangat murah. RM1,800 sahaja, dulu RM4,000 atau RM5,000," katanya.

Perdana Menteri berkata tindakan membatalkan skim pengeluaran caruman daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk membeli komputer dibuat kerana sekiranya pencarum mengeluarkan sejumlah caruman mereka, ia akan menyebabkan wang tabungan mereka berkurangan.

"Nak beli komputer, sekarang hanya RM50 sebulan sahaja. Kalau tak nak beli, boleh sewa, RM50 sebulan. Kalau nak belajarlah, tapi kalau nak tipu, lainlah," katanya.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad, Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad, Pengerusi KUIM Tan Sri Dr Yusof Noor dan Rektor KUIM Prof Datuk Dr Abdul Shukor Husin.

-- BERNAMA

APG NMO